

TAJUK : PENGUMPULAN TRADISI LISAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

MAKMAL/ARKIB SEJARAH LISAN
JABATAN SEJARAH
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

JAWATAN KUASA PENYELIDIKAN BUDAYA
MUZIUM NEGERI
NEGERI SEMBILAN

Kod Projek:

Tahun 1983/84

Projek Dokumentasi Keterangan Tradisi Lisan
Megeri Sembilan dan Naning

Tajuk: Salasilah Naning

Keterangan Pengkisah

Nama : Shahabudin bin Ahmad Nama bapa: Ahmad bin Yunus

Alamat : No. 12, Taman Sri Tempat
Kantan, Kajang. lahir : Kelantan

Tempat Pekerjaan: Kerja kampung
lahir : Naning

Tarikh Nama ibu : Noriah bt. Saan
lahir : 1910

Tempat Tempat
dibesarkan: Naning lahir : Naning

Pelajaran :

Jawatan : Juruteknik bersara

Bagaimana mengetahui keterangan tradisi lisan
yang dikisahkan:

Melalui pembacaan, pengalaman dan penuturan
dari orang tua-tua.

SALASILAH NANING

Pengkisah : Encik Shahabudin bin Ahmad
Tarikh wawancara : 3 April, 1984
Tempat : Taman Sri Kantan, Kajang, Selangor.

Tarikh Nanning dibuka yang sebenarnya tidaklah dapat kita tentukan. Tetapi mengikut satu cerita, setelah Singapura ketika itu dinamakan Temasek dialahkan oleh Majapahit lebihkurang dalam tahun 1337, maka seorang yang bernama, Pak Tahir telah datang ke Nanning, dan meneroka kawasan itu. Jadi dengan panduan ini jika kita perhatikan 1337 itu kalau benarlah Pak Tahir membuka Nanning nyatalah bahawasanya Pak Tahir itu ialah tidak lain daripada Datuk Perpatih Nan Sebatang. Ia adalah orang yang mula-mula sekali menjejakkan kaki ke Nanning merantau daripada Pagar Ruyong setelah Pagar Ruyong dirajai oleh Raja Aditiawarman pada tahun 1340. Datuk Perpatih Nan Sebatang dan Datuk Temenggong adalah saudara tiri kepada Aditiawarman. Datuk Perpatih Nan Sebatang merasa tersinggung kerana pemerintahan di Pagar Ruyong yang mana selama ini adalah diperintah oleh dua beradik ini iaitu Datuk Perpatih dan Datuk Temenggong. Tetapi sekarang Pagar Ruyong dirajai oleh Aditiawarman maka mereka ini seolah-olah semacam merajuk terus merantau meninggalkan negeri Pagar Ruyong. Setelah menyeberangi Selat Melaka, mereka mendarat di Kuala Linggi. Apabila sampai ke Nanning mereka meneroka negeri Nanning.

Kumpulan yang bersama Datuk Perpatih itu tidak begitu ramai hanya 22 kelamin sahaja. Setelah mereka sampai ke Nanning, mereka menebang dan menebas tempat itu sebagai peneroka baru. Dalam pada itu dijumpai mereka sebuah sarang

serangga yakni satu jenis daripada tabuan, yang dipanggil Naning. Maka dengan terjumpanya tabuan Naning ini maka orang-orang pun bertanya kepada Datuk Perpatih, "Apakah binatang ni Datuk?" Jawab Datuk Perpatih, "Binatang ini ialah binatang Naning, iaitu binatang yang sangat bisa, kalaulah di negeri kita di Minangkabau binatang seumpama ini ialah binatang yang sangat-sangat bisa bila ia menyengat. Kalau demikian keadaan tempat ini adalah baik, dapat kita berbuat negeri supaya negeri ini akan menjadi satu negeri yang masyhur di masa akan datang". Itulah sebabnya Naning itu dipanggilkan Naning.

Apabila 22 kelamin peneroka ini mendapati tanah ini sangat baik untuk pertanian, maka separuh daripada mereka ini balik ke Pagar Ruyong memberitahu saudara mara mereka. Maka ramai yang datang cara berpasukan. Ada yang datang ke Sungai Linggi, membuka Rembau dan ke Sungai Ujung, Johol dan Jelebu. Ada juga yang pergi ke Kelang. Setelah negeri-negeri itu terbuka maka tempat itu dinamakan Negeri Sembilan. Naning pada masa itu termasuk sebagai sebuah wilayah daripada Negeri Sembilan. Kelang termasuk juga sebagai salah sebuah wilayah kumpulan Negeri Sembilan.

Kegiatan mereka ini bercucuk tanam, memelihara ternak-ternakan dan mencari damar, rotan juga bijih, gambir dan gaharu. Cendana begitu banyak sekali didapati dalam sebuah kampung. Nama Cendana Putih sekarang ini asalnya daripada cendana. Jadi hasil-hasil yang diperolehi oleh mereka ini kemudiannya dibawalah balik ke Minangkabau untuk dijual di sana. Beginilah penghidupan di dalam negeri Naning pada masa itu.

Ya, kumpulan suku yang mula-mula datang ke Naning dibawa oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang ini dinamakan suku Melayu, yakni satu suku yang terbesar sekali

pelarian daripada Bukit Siguntang. Orang-orang ini mengikut satu sungai yang dinamakan 'Sungai Melayu' di Palembang. Mereka turun hingga sampai ke Pagar Ruyong. Orang inilah dinamakan suku Melayu. Tetapi apabila suku ini datang ke Naning, nama suku Melayu ini diubah kepada suku Sri Semelenggang atau Sri Semelenggang Naning namanya. Yang datang kemudian berasal daripada merata-rata tempat di Minangkabau dan mengekalkan nama-nama kumpulan mereka suku Tanah Datar, suku Paya Kumbuh, suku Tiga Batu, Suku Mungkar dan banyak lagi hingga 12 suku semuanya. Tetapi di Naning sekarang ni ada empat suku saja iaitu Seri Melenggang, Mungkar, Anak Melaka dan Tiga Batu.

Suku ini jikalau di Minang, berdasarkan misalnya, jika orang itu datang daripada Tanah Datar sebuah kampung di Minangkabau, apabila sampai ke Negeri Sembilan atau Naning mereka menamakan kumpulan mereka suku Tanah Datar, kerana mengambil sempena daripada kampung mereka di Minangkabau. Jadi begitu juga suku Anak Melaka, dinamakan Anak Melaka oleh sebab mereka ini membuka negeri berhampiran dengan negeri Melaka. Begitu juga dengan suku Sri Semelenggang dimana terdapat empat kumpulan iaitu Seri Melenggang Naning, Sri Semelenggang Air Hangat, Sri Semelenggang Bunga Tanjung. Maknanya jika orang itu duduk di Air Hangat, dinamakan syjym Sri Semelenggang Air Hangat, kalau dia orang tu duduk di Bunga Tanjung dinamakan Sri Semelenggang Bunga Tanjung. Suku ini mengikut tempat tetapi asalnya adalah satu. Tetapi wilayah adat yang lain suku Sri Semelenggang hanya satu saja.

Naning ini sebelumnya tempat itu dinamakan Pulau Lelang Tiga Sejajar. Jadi ini nama memang telah ada diberikan oleh orang Asli disitu, yang lebih dulu

menduduki tempat itu. Pulau Lelang Tiga Sejajar ini memang ada terdapat sampai sekarang. Pulau itu tiga, berderet semacam di laut. Tetapi pulau itu duduknya dalam sawah padi, jadi dipanggilnya Pulau Lelang Tiga Sejajar. Peneroka datang ke situ meneroka hingga sampailah ke sebelah hilir daripada pulau itu. Didapati ada sekumpulan orang Asli telah terlebih dulu menduduki tempat itu. Datuk Perpatih telah berkenal-kenalan, bersahabat baik dengan orang Asli ini Datuk Perpatih pun sudah menyembenda iaitu berkahwin dengan orang Asli di situ. Orang Asli ini sukunya ialah Biduanda.

Orang-orang Minangkabau mengamalkan peraturan hidup yang dikenali sebagai adat perpatih. Apabila mereka membuka petempatan di Naning, peraturan hidup itu diamalkan oleh mereka di tempat yang baru. Mereka tidak berkahwin sesuku, mempunyai ketua diperingkat perut yang digelar buapak, diperingkat suku yang digelar lembaga dan diperingkat wilayah yang digelar Undang. Wilayah Naning ini Undang adalah diwarisi oleh suku Semelenggang. Ini berlainan dari wilayah adat dalam Negeri Sembilan, dimana undang adalah dikhaskan untuk keturunan suku Biduanda waris iaitu suku keturunan orang asli wilayah-wilayah berkenaan. Di Naning walaupun ada orang asli tetapi golongan orang mendatang adalah lebih ramai maka itu orang-orang asli tidak dapat mengekalkan kekuasaan mereka. Manakala di wilayah-wilayah adat dalam Negeri Sembilan orang-orang Biduanda adalah ramai untuk mengekalkan kuasa mereka sebagai orang yang berhak untuk mewarisi jawatan ketua wilayah iaitu undang.

Di Naning jawatan Dato¹ Naning ini dipilih daripada ahli waris, yang empat perut. Jadi pembesar empat suku apabila kemangkatan Datuk Naning, maka bermesyuaratlah mereka melantik seorang daripadanya, menjadi Datuk Naning.

Mengikut ceritanya zaman dahulu ada syarat-syarat yang melayakkan jadi Datuk Naning. Kerana dulu ada satu daripada, baju 'wayastawarkin' namanya atau baju 'Sekepal Setampok Pinang'. Baju Sekepal Setampok Pinang ini dinamakan demikian sebab tebuk lehernya ialah sebesar setampok pinang betul-betul kecil.

Sekiranya salah seorang boleh memakai baju itu, maka orang itulah disahkan menjadi Datuk Naning. Satu lagi kebesaran ialah sebilah keris bisa yang dinamakan 'Keris Naning' dan Cap Mohor keturunan daripada Sultan Abdul Jalil Muazam Shah. Ketiga-tiga iaitu cap mohor, keris dan baju ini adalah sebagai satu bukti bahawa seseorang itu menjadi Dato' Naning. Jika orang itu dapat memegang, tiga pusaka ini dialah yang menjadi 'Dato' Naning'.

Seseorang yang tidak dibolehkan oleh baju ini atau keris ini, dia tidak layak menjadi Dato' Naning. Mungkin waris tu tidak betul keturunannya. Dia tidak boleh nampak baju berkenaan, dia tidak boleh nampak keris itu. Pemandangannya menjadi gelap. Ini pernah berlaku di zaman Datuk Ranting dulu, tetapi sekarang ini baju setampok pinang itu telah ghaib, semasa kebakaran berlaku di rumah Datuk Ranting, yakni Dato' Naning dulu. Kononnya baju tu telah melayang ke udara dan ghaib begitu saja. Yang tinggal sekarang ini hanya Keris Naning dan cap mohor daripada sultan Abdul Jalil Muazam Shah.

Semasa Dato' Naning, Datuk Ranting meninggal pusaka ini tinggal di atas peran di atas rumah Datuk Ranting. Kemudian masa itu bermesyuaratlah segala waris-waris dalam Naning untuk mengambil pusaka ini, siapa yang boleh mengambil, dialah berkeelayakan menjadi Dato' Naning. Kemudian seorang demi seorang naik,

naik ke atas peran dengan anak tangga yang sembilan banyaknya. Seorang waris telah menaiki tangga hingga tetapi bila sampai di atas peran, pemandangannya gelap, tak nampak benda itu yang disimpan di dalam peti. Ini melambangkan bukan hak dia.

Kemudian naik seorang lagi, baru sampai pada anak tangga yang kesembilan dia sudah muntah-muntah maka dia turun balik. Sesudahnya sampai enam orang yang gagal. akhirnya. Kemudian seorang waris bernama Yunus bin Nordin, naik ke atas peran mencari baju itu tapi masa itu baju itu tidak ada lagi, dia cuma dapat mengambil keris dan cap mohor lalu dibawa turun. Tetapi Yunus tidak diterima oleh waris-warisan lain menjadi Dato' Naning.

Lebihkurang sebulan daripada itu perkara perlantikan dilaporkanlah kepada Pegawai Daerah Alor Gajah. Kesimpulannya Datuk Yunus pun tidak dapat jadi Datuk Naning. Dato' Umar telah dilantik sebagai Dato' Naning. Dato' Umar ini ialah seorang guru, mungkin sebab dia seorang guru selalu berhampiran dengan orang besar-besar maka dia dilantik jadi Dato' Naning ketika itu iaitu pada tahun 1917. Semasa itu saya masih kecil, saya masih ingat lagi bahawa saya mengiringi Datuk Yunus pergi ke Alor Gajah untuk dikerjankan Dato' Umar. Datuk Yunus masa itu memakai baju kebangsaan Melayu, dia bertanjak, bersamping, tetapi kasutnya sebelah hitam dan sebelah putih.

Bila saya bertanya mengapa dia memakai kasut sebelah hitam dan sebelah putih, dia menjawab "Saya pakai kasut yang sebelah putih dan kasut sebelah hitam, menandakan hati saya sangat-sangat dukacita". Dato' Umar tidak lama kemudian telah meninggal. Lebihkurang setahun lamanya Dato' Naning yang baru tidak juga dilantik. Yunus yang patutnya dilantik tetapi orang lain juga yang

berjaya. Walau bagaimanapun pusaka Keris Naning dan cap mohor itu tetap di tangan Yunus.

Dia tidak menyerahkan walaupun telah berapa kali orang datang meminta. Pegawai Daerah Alor Gajah dan Gabenor Melaka pernah datang ke rumah Datuk Yunus, meminta dipulangkan pada Dato' Naning yang memegang jawatan. Apabila Datuk Yunus baru nak mengambil pusaka keris tadi keluar, orang putih itu terus berkata, "Tidak payahlah Datuk". Rupanya dia dah muntah-muntah, dia tak boleh lihat pun keris itu. Dia terus balik. Mobin Shepard sendiri pernah datang ke rumah Datuk Yunus, tetapi tidak juga sampai hajatnya hendak meminta keris itu. Hingga sekarang keris pusaka Naning itu ada di tangan Datuk Yunus bin Nordin.

Upacara melantik Dato' Naning dilakukan di hadapan segala waris dan segala rakyat Naning bertempat di kampung Naning, betul-betul dekat Masjid Naning, yang ada sekarang ini. Setelah berhimpun segala Datuk-datuk Lembaga, Datuk-Ketua-ketua Buapak dalam kampung, upacara berbedak langgir, diadakan di perigi yang dipanggil Perigi Naning. Perigi ini masih ada lagi hingga sekarang, perigi itu tidak pernah kering-kering. Jadi setelah itu maka dipersalinkan dipakaikanlah dengan sekemas-kemasnya pakaian sebagai Datuk dengan tanjak, sampung dan berkeris. Datuk Nika, iaitu lembaga suku Seri Melenggang pun mengistiharkanlah bahawa orang yang berkenaan dilantik menjadi Dato' Naning.

Tugas Dato' Naning sebelum kekalahan Dol Said ialah mentadbir dan memerintah negeri Naning termasuk pentadbiran ugama, adat istiadat dan dalam segala hal.

Setelah Perang Naning pentadbiran Inggeris mengambil pentadbiran Naning keseluruhannya. Jawatan-jawatan Penghulu, Sidang telah diadakan sebagai wakil pentadbir British diperingkat mukim dan kampung. Maka kuasa yang ada pada Dato' Naning untuk mentadbirkan Naning dengan sendirinya telah pergi kepada pemerintahan Inggeris. Bahkan dalam hal kemasyarakatan orang lebih dulu mengenal Penghulu daripada Dato' Naning. Penghulu adalah lebih berkuasa daripada Dato' Naning. Dahulu Dato' Naning adalah "bergajah tunggal" iaitu yang paling tinggi berkuasa. Ia dibantu oleh orang pembesar empat waris, datuk lembaga dan buapak. Orang-orang ini mentadbirkan wilayah mereka masing-masing seperti kata perbilangan:

Alam beraja,
Kampung berpenghulu,
Anak buah beribu bapak.

Perkara-perkara seperti pergaduhan dalam kampung atau perceraian, atau berkenaan soal tanah, semua ini diselesaikan oleh Dato' Naning mengikut cara Adat dan budi-bicara ketua-ketua yang dilantik oleh Dato' Naning seperti Datuk Panglima Garang, Datuk Membangun, Datuk Maharajalela, Datuk Andika Raja, dan lain-lain lagi. Jadi orang-orang inilah yang mengawasi segala sengkita ataupun segala apa juga kesulitan-kesulitan rakyat Naning. Mula-mula mengadu pada Buapak, Buapak kemudian Datuk Lembaga. Kalau tidak dapat diselesaikan oleh Lembaga, barulah pergi kepada Dato' Naning.

Kalau bukit sama didaki
Lurah sama dituruni
Hati gajah sama dilapah
Hati kuman sama dicicah.
Sehalaman, seperigi, sepergayungan
Berjalan sama selenggang
Kalau bercakap sama persetujuan
Waris kedim
Harta bertuan.

Inilah kata-kata yang dibawa oleh, Adat Perpatih untuk menguatkan kemasyarakatan

dalam hidup Adat daerah Naning. Yang asasi dalam peraturan adat ini ialah tentang hukum ke atas harta pusaka iaitu harta peninggal nenek moyang. Mengikut peraturan adat harta pusaka adalah kepunyaan suku maka itu harta ini adalah untuk waris perempuan saja dan tidak waris lelaki. Itu sebab ditetapkan pusaka itu pergi katanya, berketurunan kepada sebelah perempuan tidak dapat kepada sebelah lelaki kerana keturunan kepada anak lelaki adalah dianggap bersuku lain. Harta pusaka suku berkenaan kalau diwariskan kepada anak lelaki harta itu bermakna akan berpindah-pindah milik kepada suku-suku lain. Walau bagaimanapun silaki adalah juga berhak mengambil hasil dari harta pusaka ibunya. Cuma adat melarang mewarisi tetapi membolehkan anak lelaki mengambil hasil yang terdapat dari harta itu.

Harta pusaka terbahagi pada tiga. Pertama sekali ialah pusaka pembawaan, ertinya harta yang seorang lelaki misalnya dimiliki sebelum ia ^ymenjemenda pada mana-mana suku lain. Misalnya saya sebelumnya berkahwin dengan perempuan saya itu, saya ada membawa harta, ini harta titik peluh saya sendiri atau pemberian dari ibu bapa saya. Ini dikatakan harta pembawaan. Sekiranya saya bercerai dengan isteri saya, bekas isteri tidak berhak menuntut harta tersebut. Kiranya saya meninggal harta ini akan kembali pada adik beradik saya atau sekiranya saya mempunyai anak akan diwarisi oleh anaknya.

Kedua ialah pusaka dapatan. Harta yang dimaksudkan ini adalah harta kepunyaan isteri samada carian titik peluhnya atau diwarisi dari ibu bapanya. Sekiranya berlaku perceraian samada hidup atau mati saya tidak berhak menuntut apa-apa ke atas harta tersebut. Harta itu boleh diwarisi oleh anak atau waris-waris tertentu dalam keluarga isteri.

Ketiga ialah pusaka carian, iaitu harta yang diperolehi atau yang dicari bersama sepanjang kehidupan suami isteri itu. Sekiranya berlaku perceraian bercerai hidup harta itu akan dibahagi bersama. Kiranya bercerai mati harta itu adalah milik yang tinggal samada si suami atau si isteri.

Adat cara keseluruhannya membolehkan seorang anak angkat mewarisi harta pusaka tetapi dalam wilayah ^{Naning} anak angkat tidak berhak mewarisi harta pusaka ibu angkatnya kalau harta pusaka itu ialah warisan suku, walaupun ia telah dikadimkan. Jika seseorang itu mahu mengambil anak angkat, anak itu mestilah dikadimkan ertinya disukukan kepada salah satu suku yang ada dalam wilayah Naning.

Kadim itu, adalah satu upacara Adat. Setelah diberitahu kepada, ahli waris, Datuk-datuk Lembaga dan Buapak suku berkenaan Lembaga akan memulakanlah upacara untuk mengkadimkan. Dalam upacara alat seperti beras kunyit, bertih dan beras basuh, digunakan. Setelah ditepung-tawar dicalitkanlah pada muka, orang yang hendak dikadim itu pada dahinya sedikit bedak langgir, atau dibasuh kaki tangan dia dan dibacakan do'a selamat. Itulah upacara dia.

Ini agak berlainan di Negeri Sembilan dimana diadakan istiadat bercecah darah yang melambangkan dari keturunan ibu yang sama.

MAKMAL / ADKIB SEJARAH LISAN
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Humaniora
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi

Orang dari suku lain yang dibolehkan memasuki suku lain melalui upacara berkadim. Biasanya orang yang datang luar dari negeri Naning iaitu dari mana-mana wilayah adat dalam Negeri Sembilan bolehlah berkadim atau masuk suku lain. Perbilangannya berkata:

Dekat mencari waris,
jauh mencari suku.

... kalau dekat ditanya waris dia siapa, "Kau, waris kau siapa dia?"
 Aaa ... si anu, si anu, si anu". Kalau jauh, katalah saya sekarang di sini, saya suku Semelenggang saya mencari pulak orang yang sesuku dengan saya di sini. Kalau suku yang sama dia tak payah lagi berkadim. Tetapi jika suku yang lain, dia kenalah berkadim. Bagi orang yang ada suku, dia boleh datang ke Naning masuk mana-mana suku tempat ia ingin bersaudara. Bolehlah ditakrifkan berkadim ini adalah pengiktirafan dari segi adat sebagai anggota baru dalam suku berkenaan. Atau sebagai satu akuan, jikalau dia tidak masuk suku dalam tempat dia tinggal ia adalah "macam enau dalam belukar" dia tidak dipedulikan oleh oranglah, dia membawa diri bersendirian, sebab dia tak ada keluarga di situ. Keadaan seperti ini kekal pada zaman Portugis dan zaman Belanda. Belanda tidak pernah menjajah Naning, hanya perjanjian pernah dibuat. Tetapi setelah ditinggalkan oleh Belanda, Inggeris mengatakan, Naning itu dinaungi oleh Belanda.

Melaka dengan Naning tidak jauh, sebenarnya cuma 20 batu saja, itu mengikut betul-betul sampai tempat rumah Naning. Tetapi sempadan di antara Melaka dengan Naning hanya 10 batu sahaja, dari bandar Melaka kerana Melaka itu cuma 10 batu persegi sahaja yang diperintah oleh Belanda dan Portugis dulu. Selain daripada itu jajahan lain ialah jajahan Naning. Apabila Melaka bertukar tangan kepada Inggeris telah memandang serong kepada Naning. Kononnya, macam pusaka Belanda turun kepada Inggeris. Sebagai satu pusaka dimaksudkan Inggeris merampas Naning daripada tangan Belanda. Inggeris cuba meminta kepada Dol Said menyerahkan cukai-cukai tetapi Dol Said tidak mahu. Beberapa kali pihak Inggeris telah memanggil Dol Said, meminta datang ke Melaka, Dol Said enggan pergi berjumpa. Ini semua mendatangkan marah kepada orang Inggeris. Dol Said

berpendapat memerintah negeri Naning tidak ada kena mengena dengan Inggeris, "Naning tetap Naning dan aku tetap memerintah Naning, tidak ada satu tanda yang mengatakan Naning bernaung di bawah Melaka ataupun tertakluk kepada Melaka".

Kemudian timbul suatu perkara pembunuhan di Naning, dikatakan oleh Inggeris, Dol Said membuat satu pembunuhan yang kejam. Dol Said telah menghukum satu orang namanya Pak Musa. Pak Musa ini satu orang yang handal juga. Kesalahan Pak Musa ialah sebab anaknya bernama Marliah ialah gadis yang sangat cantik masa itu. Oleh sebab kecantikan Marliah ini, telah berlaku pergaduhan di antara pemuda-pemuda di Naning. Diantara seorang pemuda yang bergaduh tadi seorang telah terbunuh, kemudian apabila terbunuh pemuda ini, orang pun mengadu kepada Datuk Dol Said, menyuruh Pak Musa berpindah daripada kampung itu untuk menyelamatkan kampung itu daripada berlaku lagi pembunuhan. Maka Pak Musa enggan berpindah. Kemudian Dol Said bagi juga lagi amaran, supaya Pak Musa pindah daripada Naning dan membawa anak gadisnya itu ke tempat lain. Sebaliknya Pak Musa telah mencabar Dol Said, oleh sebab dia mengaku bahawa dirinya lebih gagah. Pak Musa berkata, "Jikalau mahu aku pindah, Suruh Dol Said datang sendiri". Dol Said seorang yang pantang dicabar, dia telah datang pada Pak Musa. Pak Musa ini sebenarnya kalau ditikam pun tidak lut, memang kebal, memang handal orangnya. Pak Musa telah ditangkap kemudian dicangguh kepala Dol Said ini dalam sebuah perigi, 7 hari kemudian baru Pak Musa mati.

Dengan keadaan beginilah setelah didengar oleh Inggeris di Melaka, mengatakan Dol Said ini membunuh dengan begitu kejam. Ini jugaklah satu, jadi masalah kepada orang putih kononnya menghebahkan bagaimana pemerintahan Dol Said ini tidak adil. Mula-mula sekali orang Inggeris telah menghantar ke Naning, untuk

memerangkap atau memancing Naning, Dol Said dan pembesar-pembesar Naning ditawarkan pencen. Ini ditentang oleh Dol Said. Apa kata Dol Said, "Kami orang tidak pernah menerima daripada satu-satu penjajah ataupun orang-orang yang datang ke dalam negeri Melaka kerana kami cukup dengan pencen kami kami tidak mahu menerima pencen daripada orang luar dan orang lain!". Kerana keengganan Dol Said mematuhi kehendak Inggeris, maka Inggeris telah melanggar Naning.

Dalam perang 1831 dan 1832 dahulu orang Naning hanya berperang dengan bersenjatakan bambu runcing, dengan ranjau-ranjau ... jerangkap samar bak kata orang sekarang, iaitu mula-mula dibuat parit, kemudian ditaruhnya jerjak besi-besi ataupun buluh-buluh yang tajam, kayu yang tajam dalam parit bawah itu. Kemudian atas ditaruk daun-daun kayu mati. Keris, lembing, tombak, begitu juga dengan lain-lain senjata yang tidak begitu moden digunakan. Inggeris menggunakan meriam dan senapang untuk memerangi Naning. Perang pertama orang Naning telah menang, ini dibantu oleh orang-orang Rembau dan Syed Shaaban.

Tetapi apabila Inggeris mengetahui yang orang Rembau membantu, mereka bersahabat dengan Rembau dan menawarkan beberapa tawaran kepada Syed Shaaban. Syed Shaaban telah menyebelah kepada British. Kemenangan British bukan saja kerana alat kelengkapan perang yang cukup, tapi kerana bantuan tentera daripada Pulau Pinang dan Singapura. Banyak askar didatangkan daripada tempat-tempat tersebut.

Syed Shaaban pula menikam dari belakang. Walau bagaimanapun susah juga Inggeris hendak mengalahkan Naning. Kemudian Syed Shaaban pecahkan rahsia ilmu kepada Dol Said kepada orang putih. Dol Said hendaklah ditembak dengan

peluru tulang babi dan tulang anjing. Di Naning ada taboh yang berbunyi dengan sendirinya, jika musuh dah hampir ataupun musuh datang melanggar Naning. Bila taboh ini berbunyi, binatang Naning pun keluar berkeliaran, mencari musuh-musuh dan menyengat dengan bisanya hingga membawa maut. Begitu juga di depan masjid Naning sekarang ada satu bukit dinamakan Bukit Serban Kuning. Sekarang ini dinamakan Bukit Penyalang. Sebab dinamakan serban kuning, waktu perang itu orang menyerupai berserban kuning, berserban kuning dengan jubah dengan pedang terhunus, dengan bunyi yang mengerunkan menghadapi cabaran-cabaran yang datang daripada musuh. Kemudian apabila Syed Shaaban tahu cerita ini, rahsia ini dipecahkan. Tempat ini ditembakkan tulang-tulang babi. Bila sudah kena tulang babi dan tulang anjing tempat ini menjadi comar, ilmu pun tidak menjadi lagi.

Ekoran dari peperangan Naning juga wilayah sebenar telah menjadi kecil. Sebahagian kawasan telah diberikan oleh Inggeris kepada Syed Shaaban kerana Shaaban telah membantu Inggeris dengan berpaling tadah kepada Naning.